

Penyusunan semula desa kecil Kampung jadi pekan moden

BH 31 DEC 1990

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Ahad — Semua kampung kecil di negara ini akan dicantumkan mengikut kawasan untuk menjadi pekan moden yang berkembang maju dan dapat meningkatkan taraf kehidupan penduduknya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penyatuan dan penyusunan kampung itu juga akan memudahkan kerajaan menyediakan kemudahan asas di situ.

Menurutnya, ada sesetengah pihak mendakwa kerajaan mengeluarkan belanja yang besar untuk memajukan sebuah kampung dan dengan itu menganggapnya satu pembaziran.

"Sebenarnya, kita berhasrat menyusun semula kampung di negara ini dengan hanya membabitkan perbelanjaan yang kecil, mengikut kemampuan kerajaan dan masyarakat kampung itu sendiri," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan program 'Kampungku' di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan rumah di kampung, khususnya kampung Melayu, didirikan sesuka hati.

"Begitu juga keadaannya di Sabah

dan Sarawak, ada penanam padi bukit mendirikan rumah di kawasan hutan yang sudah dibersihkan, kemudian meminta kerajaan menyediakan jalan raya, api dan air.

"Tentulah sukar bagi kerajaan menyediakan kemudahan asas di kampung yang kecil kerana ia bukan saja memerlukan belanja yang besar, tetapi bilangan orang yang menikmati kemudahan itu juga amat sedikit.

"Oleh itu, tiba masanya kita menerima perubahan untuk mengatur kampung supaya ia menjadi kampung yang lebih besar dan moden serta lebih ramai penduduk akan menikmati faedahnya," katanya.

Ditanya sama ada penyatuan dan penyusunan semula kampung itu akan menghapuskan budaya kampung, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, budaya kampung bukan sesuatu yang statik dan tidak boleh diubah.

"Dulu di kampung tidak ada air dan elektrik, tetapi apakah dengan penyediaan kemudahan asas itu akan mengubah kebudayaan masyarakat kampung? Ada budaya yang perlu diubah," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, dengan pelancaran program 'Kampungku' akan membolehkan kerajaan mencapai hasratnya untuk mengimbangi taraf kehidupan penduduk bandar dan luar bandar.

"Kalau Kuala Lumpur yang suatu masa dulu hanya sebuah pekan kecil boleh membangun sebagai bandar besar dan moden, tidak ada sebab kampung lain tidak boleh menjadi begitu," katanya.